Keratan Akhbar

**(Bahagian Canselori)**

Surat Khabar: Utusan Sarawak
Hari/Tarikh: 1/12/16
Muka Surat: 11

Tajuk: UNIMAS RUN tarik 1,657 penyertaan

# UNIMAS RUN tarik 1,657 penyertaan

**KUCHING:** Pada tahun ini UNIMAS Sports Centre, Lea Sports Centre dan Kesatuan Sekerja Kakitangan Am UNIMAS (KESAUMAS) menganjurkan UNIMAS RUN 2016 dengan kerjasama ADIDAS pada 27 November (Ahad) lalu di Stadium UNIMAS, Kota Samarahan.

Larian ini merangkumi beberapa kategori iaitu 10 KM Lelaki & Wanita, 10KM IPT (Pelajar Institut Pengajian Tinggi) Lelaki & Wanita, 8KM Pelajar (Lelaki & Perempuan), dan 5KM Fun Run (Terbuka).

Larian ini berjaya menarik sejumlah 1,657 peserta berdaftar. Yuran pendaftaran bagi 10 KM ialah RM70.00 bagi setiap penyertaan, 10 KM IPT (RM 60 setiap penyertaan), 8 KM Pelajar dan 5 KM Fun Run pula RM50 setiap penyertaan.

Dalam misi menggalakkan komuniti belia tempatan dari pelbagai kaum dan latar belakang agar bersatu bersama-sama dalam aktiviti yang sihat, Lea Sports Centre masuk sebagai penaja utama acara ini, menaja pelbagai produk Adidas, baucar hadiah Adidas serta menaja pakaian utama untuk larian bagi peserta dan kru acara.

Lea Sports Centre (LSC) juga menjadi kaunter pendaftaran rasmi selain Pusat Sukan UNIMAS di Kuching, merangkumi LSC Wisma Hopoh, LSC Sarawak Plaza, Adidas Monostore Cityone Megamall, LSC Kuching Sentral dan LSC Summer Mall.

Minuman Isotonik Revive pula sebagai Rakan Penghidratan Acara manakala Nestle Milo dan Nestle Cherrios menjadi Rakan Tenaga Acara dan Rakan Nutrisi Acara, masing-masing pada hari acara tersebut. Maxis Broadband pula bersetuju untuk menyokong acara pada hari Race Pack Collection (25h & 26 November 2016) sebagai Rakan Komunikasi Acara.

Menteri Muda Pendidikan Awal Kanak-Kanak dan Pembangunan Keluarga Sharifah Hasidah Sayeed Aman Ghazali, dijemput memeriahkan keseluruhan acara larian, di samping menerajui seksyen flag off, bersama dengan Timbalan Naib Canselor UNIMAS, Profesor Mohd Fadzil Abdul Rahman.

Turut hadir Pengarah Urusan Lea Sports Centre merangkap Penaja Utama, Raymond Sim Hee Pang.

Walaupun hujan lebat dan bekalan elektrik terputus yang menjejaskan kawasan Kota Samarahan pada pagi Ahad yang lalu, ia tidak merosakkan semangat semua peserta dan kru untuk meneruskan acara tersebut.

Sambutan daripada orang ramai amat menggalakkan, terutamanya di laluan perlumbaan, finisher medals design, hadiah-hadiah yang ditawarkan, reka bentuk dan kualiti pakaian larian serta penyelarasan krew yang menjadikan keseluruhan acara itu lebih berwarna-warni.

"Walaupun begitu, kami berharap dapat berterusan meningkatkan acara-acara seterusnya dan akan berlangsung pada masa akan datang," katanya.



LARIAN UNIMAS 2016 ... berjaya menarik 1657 pendaftaran.




TETAMU JEMPUTAN .. Menteri Muda Pendidikan Awal Kanak-Kanak dan Pembangunan Keluarga Sharifah Hasidah Sayeed Aman Ghazali, turut hadir di acara larian.